

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

1. Nyatakan jumlah pemilikan tanah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri akibat tidak membayar cukai.
  - (a) Daerah manakah yang tertinggi diambil tindakan?
  - (b) Nyatakan mengikut komposisi kaum.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

1. Cukai tanah adalah bayaran tahunan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri terhadap pemilik tanah. Cukai ini dikenakan atas tanah yang didaftarkan atas nama pemilik, dan kadar cukai tanah ditentukan mengikut jenis dan lokasi tanah tersebut.

Jika cukai tanah tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan, Pihak Berkuasa Negeri mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan di bawah Seksyen 97 dan 100 Kanun Tanah Negara (Akta 828). Jumlah tanah yang telah diambil tindakan semenjak tahun 2020 hingga 2024 adalah seperti jadual berikut:-

<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN LOT</b>
Timur Laut	63
Barat Daya	93
Seberang Perai Utara	74
Seberang Perai Tengah	69
Seberang Perai Selatan	24
<b>JUMLAH</b>	<b>323</b>

- (a) Daerah Barat Daya adalah daerah paling tinggi melaksanakan perampasan tanah di Negeri Pulau Pinang iaitu sebanyak 93 lot.
- (b) Tanah-tanah yang dirampas mengikut komposisi kaum adalah seperti berikut:-

DAERAH	KAUM				LAIN-LAIN	
	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN2	SYARIKAT	KERAJAAN
Timur Laut	1	18	4	7	32	1
Barat Daya	23	8	3	3	56	0
Seberang Perai Utara	17	36	5	0	16	0
Seberang Perai Tengah	5	16	0	0	48	0
Seberang Perai Selatan	3	5	0	1	15	0
<b>JUMLAH</b>	<b>49</b>	<b>83</b>	<b>12</b>	<b>11</b>	<b>167</b>	<b>1</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

2. Berapakah jumlah tanah yang telah dibeli oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) untuk pembangunan umat islam?
  - (a) Apakah usaha-usaha Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) untuk menyelamatkan tanah pemilikan Melayu yang telah dibuat bermula tahun 2010 hingga 2023?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Pembelian tanah untuk pembangunan umat Islam tidak dibuat oleh pihak Zakat Pulau Pinang, sebaliknya pembelian dilakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Sehingga kini jumlah tanah yang dibeli oleh MAINPP adalah berjumlah 17 lot seperti berikut:-
  - (i) Lot 1800, 15913 dan 15914, Mukim 12, DBD;
  - (ii) Lot 359, Mukim 12, DBD;
  - (iii) Lot 2609, Mukim 12, SPU;
  - (iv) Sebahagian Lot 3579, Mukim 12, SPU;
  - (v) Lot 483, Mukim 12, DBD;
  - (vi) Lot 1588, Mukim 1, SPU;
  - (vii) Sebahagian Lot 2393, Mukim 2, SPU;
  - (viii) Lot 850, Mukim 8, SPU;

- (ix) Lot 884, Mukim 13, SPU;
- (x) Lot 46, Seksyen 1, Bukit Mertajam, SPT;
- (xi) Lot 759, Mukim 19, SPT;
- (xii) Lot 760, Mukim 19, SPT;
- (xiii) Lot 84, Mukim 13, DTL;
- (xiv) Lot 7738, Mukim 13, DTL; dan
- (xv) Sebahagian Lot 473, Mukim 20, SPT.

Manakala, lot-lot seperti berikut dalam proses pemilikan kepada MAINPP:

- (i) Lot 537, Sek. 2, Tanjong Tokong, DTL;
- (ii) Sebahagian Lot 1521, Sek. 5, Bandar George Town, DTL;
- (a) Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) telah menjalankan beberapa usaha untuk menyelamatkan tanah pemilikan Melayu di Pulau Pinang sepanjang tempoh 2010 hingga 2023. Antara usaha yang telah diambil oleh MAINPP adalah termasuk pembelian Tanah oleh MAINPP. Hal ini kerana MAINPP telah terlibat secara langsung dalam pembelian tanah untuk melindungi tanah milik Melayu daripada dijual kepada pihak yang tidak sepatutnya. Usaha-usaha ini adalah bermatlamat untuk mengatasi isu kehilangan tanah milik Melayu yang semakin meruncing di Pulau Pinang di samping menambahkan pemilikan tanah oleh MAINPP untuk tujuan keagamaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

3. Senaraikan jumlah peratus pemilikan tanah mengikut komposisi kaum di daerah Seberang Perai.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

3. Negeri Pulau Pinang telah menggunakan sistem e-Tanah untuk urusan pentadbiran tanah. Sistem ini dibangunkan bagi tujuan kemodenan pentadbiran dan pengurusan tanah.

Namun begitu, sistem e-Tanah ini tidak dapat memproses data secara tepat bagi peratusan pemilikan tanah mengikut komposisi kaum di Pulau Pinang memandangkan sistem ini tidak meletakkan ruangan kaum sebagai mandatori untuk diisi. Selain itu, terdapat pemilikan tanah yang dimiliki bersama oleh lebih dari satu kaum dalam satu hak milik.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

4. Nyatakan jumlah kebakaran yang berlaku di dalam Parlimen Permatang Pauh bermula tahun 2020 hingga 2024.
- (a) Apakah punca utama penyebab kebakaran?
  - (b) Apakah halangan utama Jabatan Bomba dalam operasi memadam kebakaran di kampung-kampung?
  - (c) Berapakah jumlah kerosakan pada pili-pili bomba (hydrant)?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

4. Jumlah keseluruhan kes kebakaran bagi kawasan Parlimen Permatang Pauh sejak tahun 2020 sehingga 2024 adalah sebanyak 2,198 kes. Perinciannya mengikut tahun adalah seperti berikut:-

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KES</b>
2020	504
2021	534
2022	417
2023	353
2024(sehingga bulan Oktober)	390
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>2,198</b>

- (a) Punca utama kebakaran yang berlaku di Parlimen Permatang Pauh adalah kerana kegagalan pada pendawaian elektrik yang disebabkan oleh pendawaian elektrik yang telah uzur dan pendawaian elektrik yang dibuat oleh orang yang tidak kompeten.

(b) Halangan utama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dalam operasi memadam kebakaran di kampung-kampung adalah seperti berikut:-

(i) Jalan/Akses jentera bomba

- 1) Jalan sempit - Kelebaran jalan yang sempit serta terdapat binaan dan tumbuhan telah menghalang jentera bomba untuk masuk dan rapat ke lokasi kebakaran;
- 2) Jalan tidak diturap - Permukaan jalan yang lembut dan tidak dapat menampung beban jentera bomba menyukarkan jentera untuk masuk ke lokasi; dan
- 3) Halangan parkir kenderaan awam - Menyukarkan dan melambatkan jentera bomba sampai ke lokasi;

(ii) Pendawaian elektrik yang tidak terurus

- 1) Pendawaian haram merupakan risiko utama dalam memadam kebakaran dan merisikokan anggota semasa memadam kebakaran;
- 2) Menyukarkan anggota memutuskan arus talian elektrik sebelum kerja-kerja pepadaman dan penyelamat dilakukan; dan
- 3) Menyebabkan api merebak dengan pantas dan menghalang kemasukan jentera bomba.

(iii) Kemudahan sumber air

- 1) Kekurangan sumber air yang mencukupi dan jauh dari lokasi kebakaran menyukarkan operasi pepadaman dilakukan;

(iv) Struktur bangunan

- 1) Rumah-rumah yang dibina rapat atau menggunakan bahan mudah terbakar sehingga boleh menyebabkan kebakaran merebak dengan cepat;

- (v) Kesedaran komuniti
  - 1) Kurangnya pengetahuan dan kesedaran penduduk tentang langkah-langkah keselamatan kebakaran dan cara bertindak semasa kebakaran; dan
- (vi) Sumber manusia
  - 1) Kekurangan anggota bomba dan sukarelawan di kawasan terpencil yang boleh menghalang tindakan pantas terhadap kejadian kebakaran.
- (c) Jumlah keseluruhan pili bomba (*hydrant*) di dalam kawasan Parlimen Permatang Pauh adalah sebanyak 1,978 unit. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 406 unit memerlukan penyelenggaraan kecil manakala 88 unit lagi memerlukan penyelenggaraan besar.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

5. Nyatakan jumlah kemalangan dan kemalangan maut di sepanjang Jalan Arumugam Pillai dan Jalan Kubang Semang di antara tahun 2022 hingga 2024.
- (a) Berikan mengikut pecahan jenis kenderaan.
- (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kadar kemalangan di lokasi tersebut?
- (c) Apakah punca utama kemalangan di lokasi tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Jumlah kemalangan dan kemalangan maut di sepanjang Jalan Arumugam Pillai dan Jalan Kubang Semang di antara tahun 2022 hingga 2024 adalah seperti berikut:-

Jenis Kemalangan	Jalan Kubang Semang			Jalan Arrumugan Pillai		
	Tahun			Tahun		
	2022	2023	2024	2022	2023	2024
Maut	2	0	3	0	0	6
Parah	0	0	0	0	4	0
Ringan	64	121	96	57	92	59
Rosak	82	130	116	115	169	160
Jumlah	148	251	215	172	265	225

- (a) Jumlah kemalangan mengikut pecahan jenis kenderaan adalah seperti berikut:-

Jenis Kenderaan	Jalan Kubang Semang			Jalan Arrumugan Pillai		
	Tahun			Tahun		
	2022	2023	2024	2022	2023	2024
Bas	0	0	0	4	2	3
Jip/ <i>Pickup</i>	10	11	16	14	17	10
Lori	4	13	9	89	159	121
Motokar	80	127	98	38	60	122
Motosikal	47	88	99	5	4	7
MPV	5	5	3	17	16	17
Van	3	6	1	6	6	7
Basikal	0	1	0	0	2	1
Jumlah	149	251	226	173	266	288

- (b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa memastikan penyelenggaraan jalan yang berterusan dilaksanakan seperti membarumuka jalan dan memastikan fasiliti keselamatan seperti papan tanda amaran dan *tranverse bar* berada dalam keadaan yang baik. Selain itu, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan seperti operasi sekatan jalan raya, pencegahan kegiatan lumba haram serta mengadakan operasi bersepadu bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) termasuk lain-lain tindakan yang bersesuaian dari semasa ke semasa.
- (c) Antara punca kemalangan di setiap kawasan Kampung Pelet, Taman Guar Perahu dan Kampung Tok Elong adalah seperti berikut:-

- (i) Kampung Pelet: Persimpangan tersebut terletak di kawasan selekoh menyebabkan halangan pandangan pengguna jalan raya;
- (ii) Taman Guar Perahu: Kelebaran jalan yang tidak seragam (*bottleneck*) dari dua (2) lorong ke empat (4) lorong yang menyebabkan pengguna jalan raya memandu dengan laju;
- (iii) Kampung Tok Elong: Persimpangan tersebut terletak di kawasan selekoh menyebabkan halangan pandangan pengguna jalan raya; dan
- (iv) Sikap pemandu yang memandu secara tidak berhemah dan tidak cermat serta memandu kenderaan dengan kelajuan yang tidak terkawal di kawasan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

6. Kajian Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS), Prof Madya Dr Azeem Fazwan Ahmad Farouk pada tahun 2008 berlaku pengurangan tanah milik orang Melayu dari tahun ke tahun dan hanya tinggal 20.41 peratus.
- (a) Nyatakan peratusan terkini tanah milik Melayu.

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

6. Negeri Pulau Pinang telah menggunakan sistem e-Tanah untuk urusan pentadbiran tanah. Sistem ini dibangunkan bagi tujuan kemodenan pentadbiran dan pengurusan tanah.
- (a) Namun begitu, sistem e-Tanah ini tidak dapat memproses data secara tepat bagi peratusan pemilikan tanah mengikut komposisi kaum memandangkan sistem ini tidak meletakkan ruangan kaum sebagai mandatori untuk diisi. Selain itu, terdapat pemilikan tanah yang dimiliki bersama oleh lebih dari satu kaum dalam satu hak milik.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

7. Adakah Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) berhasrat untuk melaksanakan pembayaran sebulan sekali untuk bulanan bacaan meter air? Ini kerana sistem bayaran yang sedia ada merugikan pengguna.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) berhasrat untuk melaksanakan pembayaran sebulan sekali untuk bulanan bacaan meter air melalui sistem meter pintar (e-joy meter) yang masih dalam proses pelaksanaan secara berperingkat oleh PBAPP. Dengan pelaksanaan tersebut, PBAPP dapat mengeluarkan bil secara bulanan kepada pengguna.

Kenyataan berkaitan dengan sistem bayaran yang sedia ada merugikan pengguna adalah tidak benar sekali. PBAPP telah mengeluarkan bil air secara dwi-bulanan sejak ia dikorporatkan pada 1 Mac 1999, lebih 25 tahun lalu untuk kecekapan kos. Bil air dwi-bulanan PBAPP dikira berdasarkan “Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Pulau Pinang) (Pindaan) 2024”. Peraturan ini merupakan peraturan di bawah Kerajaan Persekutuan dengan menetapkan pengiraan berdasarkan kepada jumlah meter padu (m<sup>3</sup>) sebulan. Oleh itu, kadar air yang sama dikenakan dalam bil air bulanan dan dwi-bulanan di Pulau Pinang.

Berikut adalah contoh pengiraan bil bagi penggunaan domestik sebanyak 70m<sup>3</sup> dalam dua (2) bulan:

<b>Contoh: Bil PBAPP untuk penggunaan domestik 70m<sup>3</sup> dalam 2 bulan</b>
--

(77.3% pengguna domestik Pulau Pinang menggunakan 0 – 35m<sup>3</sup> sebulan pada 2023)

<p>Bacaan Meter</p>	<p>70m<sup>3</sup> 70m<sup>3</sup> dibahagi 2</p> <p>0 - 20m<sup>3</sup> - RM 0.62 setiap m<sup>3</sup> (<b>kadar Air Pulau Pinang 1.2.2024 mengikut kategori domestik</b>)</p>	<p>2 bulan</p> <p>35m<sup>3</sup> sebulan (20m<sup>3</sup> x RM0.62)</p> <p>RM12.40</p>
<p>Pengiraan bil PBAPP untuk penggunaan sebulan</p>	<p>20 - 35m<sup>3</sup> - RM1.17 setiap m<sup>3</sup></p> <p>(<b>kadar Air Pulau Pinang 1.2.2024 mengikut kategori domestik</b>)</p>	<p>(35m<sup>3</sup>- 20m<sup>3</sup>) x RM1.17</p> <p>RM17.55</p>
<p>Bil PBAPP untuk 2 bulan</p>	<p>Jumlah bil untuk sebulan</p> <p>Jumlah untuk 2 bulan</p>	<p>RM12.40 + RM17.55</p> <p>RM29.95</p> <p>RM29.95 x 2 bulan</p> <p>RM59.90</p>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

8. Berapakah nilai pelaburan tertinggi yang diterima oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2024 dan sektor apakah yang menyumbang?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

8. Sebagai makluman, data sedia ada oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) hanya sehingga suku kedua tahun 2024. Gambaran nilai keseluruhan untuk tahun 2024 akan diterbit pada sekitar bulan Mac tahun hadapan. Berdasarkan nilai sedia ada, pelaburan pembuatan diluluskan setakat suku kedua tahun 2024 ialah sebanyak RM5.0 bilion.

Berikut adalah lima (5) sektor utama yang menyumbang kepada pelaburan di Pulau Pinang sehingga suku kedua tahun 2024 iaitu:

- (a) Elektrik dan Elektronik;
- (b) Jentera dan Kelengkapan;
- (c) Produk Fabrikasi Logam;
- (d) Produk Plastik; dan
- (e) Kimia dan Produk Kimia.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

9. Senaraikan jumlah penerbangan terus daripada Asia Timur dan China yang memasuki Pulau Pinang.
- (a) Berapakah jumlah mereka mengikut negara yang memasuki Pulau Pinang antara Januari hingga Oktober 2024?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Penerbangan terus dari Asia Timur dan China yang memasuki Pulau Pinang adalah dari Guangzhou, Shenzhen, Shanghai, Xiamen, Chongqing, Hong Kong dan Taipei.
- (a) Jumlah pelancong Antarabangsa yang memasuki Pulau Pinang antara Januari hingga Oktober 2024 adalah seperti di Jadual 1.

<b>Ketibaan Pelancong Antarabangsa yang memasuki Pulau Pinang</b>		
<b>No</b>	<b>Negara</b>	<b>Ketibaan</b>
1	Indonesia	277,533
2	Singapura	123,965
3	China	84,947
4	Taiwan	32,105
5	Thailand	22,171
6	United States America (USA)	15,709
7	United Kingdom	14,152
8	Australia	12,752
9	Japan	11,024
10	Negara Lain	9,497

Jadual 1: Ketibaan Pelancong Antarabangsa yang memasuki Pulau Pinang mengikut Negara

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

10. Senaraikan usahawan-usahawan luar bandar di DUN Permatang Pasir yang telah berjaya hasil bantuan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2021 hingga 2024.
- (a) Jenis perniagaan dan produk yang diusahakan.
- (b) Mengikut komposisi kaum.

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Sejak tahun 2021 hingga Oktober 2024, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebagai agensi pelaksana Kerajaan Negeri telah mengeluarkan pinjaman mikro kredit Skim Pinjaman Harapan (SPH) kepada 144 usahawan mikro di sekitar Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dengan jumlah RM2,465,000.00.
- (a) Berdasarkan rekod sistem pengurusan mikro kredit oleh PDC yang baru mula digunakan pada 1 April 2024, bilangan usahawan mikro di Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir setakat Oktober 2024 adalah seramai tiga (3) orang yang telah menerima manfaat pinjaman dengan jumlah RM90,000.00 seperti jenis perniagaan adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>KATEGORI PERNIAGAAN</b>	<b>BILANGAN PINJAMAN</b>	<b>JUMLAH PINJAMAN (RM)</b>
1	Gerai Makanan/ Minuman	1	50,000.00

<b>BIL</b>	<b>KATEGORI PERNIAGAAN</b>	<b>BILANGAN PINJAMAN</b>	<b>JUMLAH PINJAMAN (RM)</b>
2	Kedai runcit, pakaian, kasut, kedai cermin mata, tudung, buah-buahan, makanan ringan.	1	25,000.00
3	Perkhidmatan - Bengkel kereta, motor, spa, dobi, membaiki komputer / telefon, salun, butik, pengantin, peralatan elektrik dan elektronik, kimpalan, kedai haiwan peliharaan	1	15,000.00
<b>Jumlah</b>		<b>3</b>	<b>90,000.00</b>

- (b) Manakala, bilangan usahawan mikro di DUN Permatang Pasir mengikut komposisi kaum berdasarkan rekod sistem pengurusan mikro kredit yang baru mula digunakan oleh PDC pada 1 April 2024 adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>KAUM</b>	<b>BILANGAN</b>	<b>JUMLAH PINJAMAN (RM)</b>	<b>%</b>
1	Melayu	3	90,000.00	100.0
2	Cina	0	-	0.0
3	India	0	-	0.0
<b>Jumlah</b>		<b>3</b>	<b>90,000.00</b>	<b>100.0</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

11. Nyatakan jumlah Kumpulan Wang Disatukan yang terkumpul pada akhir tahun 2023.
- (a) Nyatakan hasil yang diperolehi.
  - (b) Berapakah wang yang telah dibelanjakan sehingga September 2024?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

11. Pada tahun 2023, jumlah Kumpulan Wang Disatukan yang terkumpul adalah sebanyak RM330.03 juta.
- (a) Jumlah hasil yang dicatatkan oleh Kerajaan Negeri sehingga 30 September 2024 adalah sebanyak RM557.74 juta.
  - (b) Jumlah perbelanjaan yang dicatatkan oleh Kerajaan Negeri sehingga 30 September 2024 adalah sebanyak RM618.44 juta.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

12. Nyatakan bagi Projek Tebatan Banjir Sungai Permatang Rawa perbezaan kos daripada RM28.60 juta ke RM15.61 juta seperti dalam Laporan Audit 2022.
- (a) Apakah penyebab kos lebih rendah iaitu 46 peratus berbanding tender yang pertama?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Penurunan kos projek Tebatan Banjir Sungai Permatang Rawa.
- (a) Perbezaan kos projek seperti yang dilaporkan dalam Laporan Audit tahun 2022 adalah disebabkan oleh perubahan skop kerja projek tersebut. Skop kerja asal projek ini adalah kerja-kerja menaik taraf sungai dari CH0000 sehingga CH4220 melibatkan jarak sepanjang 4.2 kilometer (km). Skop kerja baharu pula melibatkan kerja penaiktarafan dari CH3000 sehingga CH4300 dengan jarak sepanjang 1.3km. Keputusan perubahan kerja ini adalah disebabkan oleh anggaran kos pengambilan balik tanah yang tinggi. Perubahan kerja tersebut telah mengurangkan kos projek daripada RM28.60 juta ke RM15.61 juta seperti yang dilaporkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

13. Nyatakan jumlah sungai yang berada di dalam Negeri Pulau Pinang.
- (a) Berapakah sungai yang tercemar?
  - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memulihkan pencemaran sungai tersebut?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Terdapat 49 lembangan sungai utama dengan 175 batang sungai di seluruh Negeri Pulau Pinang.
- (a) Berdasarkan Laporan Kualiti Alam Sekeliling tahun 2023 oleh Jabatan Alam Sekitar, sebanyak enam (6) sungai di Pulau Pinang yang direkodkan tercemar melalui Indeks Kualiti Air iaitu:
    - (i) Sungai Chempedak;
    - (ii) Sungai Jawi;
    - (iii) Sungai Rambai;
    - (iv) Sungai Kluang;
    - (v) Sungai Pinang; dan

- (vi) Sungai Titi Kerawang.
- (b) Antara usaha untuk mempertingkatkan kualiti dan kebersihan air di sungai-sungai Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh YB Exco Perumahan dan Alam Sekitar. Jawatankuasa tersebut ditubuhkan bagi memantau dan menyelaraskan isu-isu pencemaran sungai untuk diambil tindakan oleh pelbagai agensi Kerajaan Negeri. Pelan tindakan (dasar atau polisi, pemantauan, tindakan penguatkuasaan) akan dilaksanakan oleh pelbagai agensi secara bersepadu.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Jawatankuasa Induk dan Pasukan Petugas Khas Kawalan Hakisan dan Kelodak Negeri Pulau Pinang (Jawatankuasa Ops Lumpur) yang dipengerusikan oleh YB Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital yang berperanan sebagai pembuat dasar dalam menentukan hala tuju serta polisi bagi pelaksanaan penguatkuasaan kawalan hakisan dan kelodak di seluruh Negeri Pulau Pinang. Manakala Pasukan Petugas Kawalan Hakisan dan Kelodak Negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP), Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang (JASPP), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan berperanan melakukan operasi pemeriksaan mengejut ke tapak pembangunan bagi memastikan pemaju projek pembangunan mematuhi syarat-syarat kelulusan kerja-kerja tanah yang telah dikeluarkan. Usaha ini adalah untuk memastikan supaya setiap pemaju mematuhi keperluan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (Erosion and Sediment Control Plan (ESCP)) yang telah diluluskan bagi mengelakkan pencemaran air lumpur ke sistem saliran dan sungai-sungai.

Antara usaha lain untuk membantu Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan kualiti air di sungai-sungai Pulau Pinang, JASPP telah melaksanakan program-program berikut:-

1. Menjalankan penguatkuasaan ke atas punca pencemar yang tertakluk dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.
2. Menjalankan pengawasan kualiti air sungai secara berkala.

3. Mengadakan program kesedaran awam dan pendidikan secara berkala.
4. Menjalankan penguatkuasaan berkaitan *Environmental Impact Assessment* (EIA).
5. Pengawasan melalui pelesenan dan kebenaran bertulis, notifikasi seperti pembinaan loji rawatan air mengikut amalan kejuruteraan yang baik.

Selain itu, sebagai kawalan terhadap pembangunan baru, pihak JPS telah mensyaratkan supaya mematuhi beberapa garis panduan yang diguna pakai oleh pihak jabatan. Antaranya adalah, Garis Panduan Manual Saliran Mesra Alam Edisi ke-2 (MSMA), Garis Panduan Pembangunan melibatkan sungai dan rezab sungai, Garis Panduan Konsep Pembangunan Berhadapan Sungai, pematuhan kepada kelulusan pelan kawalan hakisan tanah dan sedimentasi (ESCP), Garis Panduan JPS 1/97: Kawalan Hakisan berikutan dari Pembangunan di kawasan pantai dan sebagainya termasuk arahan-arahan semasa yang dikeluarkan melalui Pekeliling-pekeliling JPS.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

14. Dalam Laporan Audit 2022 merekodkan tatakelola pengurusan Penang Halal International Sdn Bhd (PHI) promosi tidak cekap khususnya melibatkan perbelanjaan tanpa kelulusan lembaga pengarah, membayar lebih elaun makan, pelantikan tujuh kontraktor tidak dibentang untuk kelulusan lembaga pengarah dan bagaimana lima syarikat yang tidak memiliki sijil halal boleh beroperasi di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP)?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. PHI telah mengambil tindakan dan memberikan maklum balas terhadap teguran audit. Berikut merupakan maklum balas Laporan Audit 2023 berkaitan teguran tersebut:
- (a) Pengurusan promosi dalam negeri oleh pihak PHI adalah cekap. Hal ini kerana PHI berjaya menganjurkan *Penang International Halal Expo & Conference (PIHEC)* dan *Penang International Halal Food & Heritage Festival (PIH2F)* pada tahun 2022 serta menyertai sembilan aktiviti promosi di luar negeri bagi tempoh tahun 2020 hingga Mac 2023.
  - (b) PHI telah mengambil tindakan sewajarnya pada 15 Mei 2023 dan 22 Ogos 2023 dengan menyatakan lebih perbelanjaan PIHEC 2022 adalah disebabkan oleh kos luar jangka dan PHI juga tidak dapat membuat anggaran yang sebenar memandangkan tiada penganjuran PIHEC bagi tahun 2020 dan 2021 serta pihak PHI akan berusaha untuk menambah baik perancangan perbelanjaan PIHEC 2023 dengan menjadikan PIHEC 2022 sebagai sumber rujukan. Perbelanjaan yang digunakan bagi penganjuran PIHEC 2022 telah dibentangkan dan diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 3/2024 bertarikh 9 Ogos 2024.

- (c) Isu berkenaan membayar lebih elaun makan telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2023 bertarikh 13 Jun 2023 dan Bilangan 3/2024 pada 9 Ogos 2024 disokong dengan setiap perbelanjaan haruslah selari dengan *Standard Operating Procedures* (SOP) yang diluluskan. SOP terkini juga telah dikemaskini dan telah mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 1/2024 pada 2 April 2024.
- (d) Pelantikan tujuh kontraktor telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 2/2023 pada 13 Jun 2023.
- (e) Status lima syarikat berkenaan ialah:
  - (i) Syarikat masih belum beroperasi sepenuhnya (syarikat perlu beroperasi sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum membuat permohonan sijil halal);
  - (ii) Syarikat dalam proses mendapatkan sijil halal;
  - (iii) Syarikat telah menghentikan operasi;
  - (iv) Syarikat telah menyewa kepada syarikat lain; dan
  - (v) Telah menjual syarikat kepada syarikat lain.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

15. Senaraikan program lawatan perdagangan yang telah dilakukan pada tahun 2024, kos untuk setiap lawatan dan bilangan pegawai yang turut serta.
- (a) Berapakah jumlah kemasukan pelaburan yang berjaya?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

15. Terdapat satu misi perdagangan yang dianjurkan oleh pihak InvestPenang pada tahun 2024, iaitu misi perdagangan ke Amerika Syarikat dari 03 hingga 15 Ogos 2024, dengan melibatkan kos sebanyak RM150,493.82. Lawatan ini berlangsung selama sepuluh (10) hari dan melibatkan 22 mesyuarat strategik di bandar San Jose, Seattle, San Diego dan Los Angeles.

Delegasi Pulau Pinang memanfaatkan lawatan ini untuk menjalin hubungan erat dengan ibu pejabat syarikat korporat dari Amerika Syarikat yang telah memilih Pulau Pinang sebagai tapak pelaburan, di samping meningkatkan kemampuan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan utama dalam sektor elektrik dan elektronik, semikonduktor, peralatan perubatan, *Global Business Services (GBS)*, dan ekonomi digital. Misi ini juga memberi penekanan terhadap inisiatif baharu seperti *Penang Silicon Design @5km+*, *Penang STEM Talent Blueprint* dan penambahbaikan infrastruktur yang memperkukuhkan keyakinan pelabur terhadap ekosistem teknologi tempatan.

Misi tersebut diketuai oleh YAB Ketua Menteri dan disertai oleh Dato' Loo Lee Lian (Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang), Encik Lee Yoeu Chek (Ketua Bahagian Pembangunan Pembuatan

InvestPenang), dan Puan Tun Qurratul 'Ain binti Yaacob (Ketua Bahagian Ekonomi Digital).

- (a) Projek pelaburan sama ada baharu atau lanjutan yang dirancang hasil daripada misi perdagangan ini merupakan pelan jangka panjang dan jumlah pelaburan kebiasaannya tidak dapat dilihat dengan kadar segera.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

16. Senaraikan program-program keusahawanan yang telah dilakukan dan akan dilakukan sepanjang tahun 2024.
- (a) Berapakah kos dan bilangan peserta untuk setiap program yang telah dijalankan?
  - (b) Jelaskan impak yang dapat kepada usahawan yang menyertainya.

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Senarai program-program keusahawanan yang telah dilaksanakan dan dalam perancangan sepanjang tahun 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

Program-program yang disenaraikan adalah merangkumi program di beberapa jabatan dan agensi Kerajaan Negeri sahaja iaitu melalui Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (PDC), Penang Halal International (PHI), Penang Women Development Corporation (PWDC), Penang Youth Development Corporation (PYDC) dan kesemua Pejabat Daerah dan Tanah tidak termasuk program-program keusahawanan yang dilaksanakan oleh agensi Persekutuan, swasta, persatuan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

- (a) Perincian kos dan bilangan peserta untuk setiap program telah disenaraikan di dalam **LAMPIRAN A**.
  
- (b) Antara impak ke atas usahawan selepas menyertai program-program keusahawanan adalah mereka memperoleh ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam penghasilan sesuatu produk, mendapat pendedahan berkaitan peluang perniagaan, bantuan atau geran yang disediakan oleh pihak Kerajaan. Usahawan juga dapat meluaskan jaringan perniagaan dalam kalangan usahawan dan pemain industri di samping mengaplikasikan pengetahuan keusahawanan bagi memudahkan operasi dan perjalanan perniagaan. Bukan itu sahaja, penglibatan usahawan dalam program yang dilaksanakan juga dapat membantu meningkatkan peluang pekerjaan dan keusahawanan komuniti dengan memberikan kemahiran dan nilai tambah kepada perniagaan masing-masing. Selain menyasarkan peningkatan keupayaan untuk menjana pendapatan, usahawan juga mempelajari teknik pemasaran dan jualan yang berpotensi untuk meneroka pasaran global menerusi perniagaan secara dalam talian.

## LAMPIRAN A

### PROGRAM-PROGRAM KEUSAHAWANAN SEPANJANG TAHUN 2024

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PESERTA	KOS (RM)	PELAKSANA
1.	Bengkel Kesedaran dan Bimbingan Halal Usahawan Madani 2024 (dengan kerjasama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (KUSKOP))	19 & 20 Februari 2024	Olivetree Hotel, Bayan Baru Pulau Pinang	78	35,775.00	PDC
2.	Kursus Perakaunan dan Percukaian	25 April 2024	PDC	80	22,067.00	
3.	Program Jerayawara/ Taklimat bergerak Pembiayaan Perniagaan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) 2024 (dengan kerjasama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB))	13 Jun 2024	Eastin Hotel, Pulau Pinang	102	6,075.00	
4.	Program Hari Eksport Pulau Pinang 2024 (dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE))	22 & 23 Julai 2024	Hotel Olive Green, Bayan Lepas	160	29,842.00	
5.	Program Tembus Pasaran Digital	14 & 15 Ogos 2024	Eastin Hotel, Pulau Pinang	34	12,744.00	
6.	Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)	17-20 September 2024	MITEC Malaysia International Trade and Exhibition Centre Kuala Lumpur	2	10,500.00	
7.	Kursus Kepintaran Buatan (AI) untuk perniagaan & Kursus Tik Tok untuk perniagaan (dengan kerjasama MDEC)	23 & 24 Oktober 2024	Eastin Hotel, Pulau Pinang	114	38,232.00	
8.	Kursus Pembungkusan, Pelabelan dan Penjenamaan (dengan kerjasama SIRIM)	Disember 2024	-	Sasaran 90	-	

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PESERTA	KOS (RM)	PELAKSANA	
9.	Karnival Usahawan Sempena Jelajah Halal Pulau Pinang	28 – 30 Jun 2024	CMART Premium Bandar Tasek Mutiara	15	RM10,430.58	PHI	
10.	Bootcamp Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 1.0 Dengan Kerjasama Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang	16 – 18 Ogos 2024	Bukit Jawi Golf Resort	130	Peruntukan ICU		
11.	Embarking On Halal Premium: A 1-Day Booth Camp Journey to MIHAS 2024, PREMIUM HALAL PENANG Dengan Kerjasama Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang	25 Ogos 2024	The Grand Mulia	32	Peruntukan ICU		
12.	Taklimat Bimbingan Kecemerlangan Halal Pulau Pinang Dengan Kerjasama Zakat Pulau Pinang	30 September 2024	Kompleks Darul Hidayah	50	Peruntukan Zakat		
13.	Taklimat Bimbingan Kecemerlangan Halal Pulau Pinang Dengan Kerjasama Zakat Pulau Pinang	14 Oktober 2024	Dewan Utama MPKK, Jalan Tenggiri, Seberang Jaya	50	1,310.00		
14.	Bootcamp Usahawan Bumiputera Pulau Pinang 2.0 Dengan Kerjasama Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang	4 – 6 November 2024	Hotel Raia Inn	150	Peruntukan ICU		
15.	Penyertaan Dalam Acara MIHAS 2024	17 – 20 September 2024	MITEC, Kuala Lumpur	5	53,013.76		
16.	Penyertaan Dalam Acara SELHAC	16 – 19 Oktober 2024	KLCC	4	65,939.50		
17.	Penang International Halal Expo 2024 (PIHEX)	5-8 Disember 2024	Tapak Gravitas, Jalan Baru	-	-		
18.	Penang Women's Entrepreneur Program (PenMentor)	10 November 2024 - Januari 2025	-	100	10,000.00		PWDC

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PESERTA	KOS (RM)	PELAKSANA
19.	Forum Sumber-Sumber Dana Dan Bantuan Usahawan Wanita	13 Disember 2024	-	100	5,000.00	
20.	Pertandingan Keusahawanan Belia	11 Jun 2024 hingga 26 Oktober 2024	-	238	36,088.00	PYDC
21.	Bengkel Platform e-Dagang	20 Julai 2024	-	68	-	
22.	Bengkel Retailing & Best Practices	20 Julai 2024	-	56	-	
23.	Bengkel Harta Intelek (Tanda Dagang & Pattern)	27 Julai 2024	-	38	-	
24.	Bengkel Kewangan & Pembiayaan Perniagaan	27 Julai 2024	-	38	-	
25.	Kursus Masakan Pembuatan Maruku	Sepanjang Tahun 2024	Daerah Barat Daya	180	35,230.00	PDTDBD
26.	Kursus Masakan Pembuatan Kek Tapak Kuda					
27.	Bengkel Pengurusan Kewangan Dan Pemasaran Digital					
28.	Kursus Masakan Pembuatan Soft Cookies					
29.	Kursus Masakan Pembuatan Tart Telur, Tart Telur Portugis Dan Tart Bakar Hokkaido					
30.	Kursus Pemasangan Stone Plastic Composite Flooring					
31.	Kursus Peniagaan Borong China	Sepanjang Tahun 2024	Daerah Timur Laut	33	9,850.00	PDTDTL
32.	Kursus <i>Tik Tok Content Creator</i> , Business Dan <i>Tik Tok Shop</i>					
33.	Kursus Pembuatan Roti Canai, Murtabak Dan Roti Bom					
34.	Kursus Asas Pembuatan Losyen Sun Burn Dan Serum					
35.	Kursus Asas Pembuatan Minyak Wangi Dan Losyen Tangan			25	7,380.00	
36.	Kursus Penghasilan Pelbagai Jenis Biskut (Hands On)	06 Mac 2024	Dewan Seri Mertajam, Pejabat Daerah dan Tanah,	25	4,915.00	PDTSPT

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PESERTA	KOS (RM)	PELAKSANA
			Seberang Perai Tengah			PDTSPT
37.	Kursus <i>Chocolate Bouquet With Fresh Flower And Fruit Bouquet (Box)</i>	25 Mei 2024	Kolej Komuniti Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah	25	7,315.00	
38.	Kursus Pembuatan Roti & Kek (Hands On)	08 Jun 2024	Dewan Seri Mertajam, Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Tengah	25	4,915.00	
39.	Kursus Gubahan Bunga Hiasan	17 Ogos 2024	Kolej Komuniti Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah	25	8,830.00	
40.	Kursus Jahitan Baju Abaya	02 November 2024	Kolej Komuniti Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah	23	4,870.00	
41.	Kursus Barbershop	Sepanjang Tahun 2024	Daerah Seberang Perai Utara	20	6,000.00	PDTSPU
42.	Kursus Asas Jahitan (Pakaian Dan Langsir)		Daerah Seberang Perai Utara	30	8,000.00	
43.	Kursus Penghasilan Kek Dan Pastri		Daerah Seberang Perai Utara	30	7,000.00	
44.	Kursus Pembuatan Roti Canai Dan Murtabak		Daerah Seberang Perai Utara	28	6,000.00	
45.	Kursus Tanaman Cendawan Tiram Kelabu		Daerah Seberang Perai Utara	30	8,000.00	
46.	Kursus Penghasilan Sabun Cecair Pencuci Pinggan Mangkuk Dan Pakaian		Daerah Seberang Perai Utara	43	5,000.00	

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PESERTA	KOS (RM)	PELAKSANA
47.	Penyertaan Ke Sabah International Food Expo (SIFEX)	8-10 Mac 2024	Sabah International Convention Center	20 usahawan	61,840.00	PERDA & PEJ YB DATO' RASHIDI
48.	Program Pemerksaan Ekonomi Usahawan B40 Bumiputera Pulau Pinang 2024	25 Mei 2024	Tasek Gelugor	300	10,000.00	PERSATUAN PENJAJA & PENIAGA KECIL TASEK GELUGOR
49.	Marketplace @KOMTAR	BERKALA (2x sebulan)	KOMTAR	25 peniaga kecil setiap sesi	10,000.00	PEJ. YB DATO' RASHIDI
50.	Jelajah Usahawan Jalur Gemilang	17&18 Ogos 2024	Kompleks Bukit Jambul	50 usahawan	12,384.00	PEJ. YB DATO' RASHIDI
51.	Tajaan Program Festival Chowrasta Walk 2024	Disember 2024	Pasar Chow Rasta	40 usahawan	10,000.00	GERBANG MALAM
52.	Tajaan Program Gerbang Malam Bandar Perda	Hujung Minggu	PERDA	60	10,000.00	
53.	Tajaan Program Startup Biz Keusahawanan TVET POLYCC	2-4 Oktober 2024	KOMTAR	100	5,000.00	EIA ACADEMY SDN BHD
54.	Tajaan Program Lifestylepreneurship 5.0	14-15 September 2024	Prangin Mall	350	10,000.00	E3 LIFESTYLE SDN BHD
55.	Tajaan Program Bicara Niaga (Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil)	27 September 2024	Seberang Jaya	80 usahawan kecil	10,000.00	PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU
56.	Tajaan bagi Jualan Agro Madani Usahanita Pulau Pinang	18 Ogos 2024	Majlis Daerah Barat Daya	100	10,000.00	USAHANITA & FAMA
57.	Tajaan Peruntukan Program Cash Voucher Melalui Bayaran AP58	Ogos 2024	Kompleks Bukit Jambul	60	20,000.00	KOMPLEKS BUKIT JAMBUL

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	BILANGAN PESERTA	KOS (RM)	PELAKSANA
58.	Tajaan 10 Booth Usahawan Pavilion EXPO Midtown Perda (EXPERT) -Hiasan Booth	26-29 September 2024	Midtown PERDA	10 usahawan	2,500.00	PERDA
59.	Penyertaan Usahawan Ke Hari Penjaja dan Peniaga Kecil (HPPK) Peringkat Kebangsaan 2024	1-3 November 2024	Butterworth Arena	15 usahawan	30,000.00	KUSKOP
60.	Tajaan Penyertaan Usahawan Pesta Pulau Pinang 2024/2025	21 Disember 2024 – 2 Februari 2025	Tapak Pesta Sungai Nibong	30 usahawan	30,000.00	PEJ, YB DATO HJ RASHIDI
61.	Tajaan program Karnival Transformasi Usahawan Tasek Gelugor	7 Disember 2024	SMK Desa Murni	20 usahawan	10,000.00	PERSATUAN PENJAJA & PENIAGA KECIL TASEK GELUGOR
62.	Jelajah Penang Day	2 bulan sekali	6 negeri	30 usahawan	140,000.00	FAMA
63.	Tajaan Program Pemantapan Usahawan Seri Delima (USD) 1.0	18 & 19 November 2024	Dewan MPKK Sungai Gelugor	100	5,000.00	MPKK Seri Delima
64.	Program Seminar Keusahawanan Ibu Tunggal DUN Sungai Acheh	16 November 2024	SK Sungai Setar	500	20,000.00	PUSAT KADUN SUNGAI ACHEH
65.	Jelajah Taklimat Usahawan Pulau Pinang	30 November 2024	PPK Sungai Acheh	15 agensi kerajaan	20,000.00	PDTSPS

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XI)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR  
YB AMIR HAMZAH BIN ABDUL HASHIM @ MD HASHIM**

17. Senaraikan Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) untuk diluluskan dan jalan kerja setiap projek tersebut di Parlimen Permatang Pauh pada tahun ini.
- (a) Senaraikan projek yang masih dalam rancangan untuk tahun ini dan tahun 2025.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

